

Kawasan Liputan: Batu Burok, Chendering, Kuala Ibai, Ladang, Gong TokNaseh, BktBesar, WakafMempelam dan Losong.
Hubungi skuad cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

Kampus baru UMT di Marang, Setiu

S# 18/10/08 Pg-T3

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengenal pasti dua daerah yang akan dijadikan lokasi pembinaan kampus barunya yang dijangka bermula pada 2010 nanti.

Timbalan Naib Cancellor UMT, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin, berkata, dua daerah terbabit adalah Lembah Bidong, Setiu dan Bukit Kor, Marang agar membolehkan pengasingan pelajar dilakukan mengikut pengajian mereka.

“Setiap pelajar akan diasingkan mengikut pengajian masing-masing dan pihak kami turut merancang menambah bilangan fakulti apabila pembinaannya selesai nanti.

“Pihak kami turut yakin sasaran pertambahan pelajar akan tercapai iaitu seramai 15,000 orang pada 2015 nanti berbanding jumlah yang ada sekarang iaitu seramai 8,000 orang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Pemimpin Masyarakat Bersama Komu-

niti Setempat UMT 2008 yang berlangsung di Dataran Canselori, di sini, semalam.

Sementara itu, seramai 1,500 tetamu hadir pada majlis tahunan yang diadakan bagi meraikan sambutan Aidilfitri dalam kalangan kakitangan universiti, Ahli Lembaga Pengarah Univerisiti dan masyarakat setempat.

Majlis tersebut juga turut diserikan dengan kehadiran 50 anak yatim yang dijemput khas sekitar kawasan terbabit serta turut menerima sumbangan duit raya dengan jumlah keseluruhannya RM4,800.

“Pihak kami turut yakin sasaran pertambahan pelajar akan tercapai iaitu seramai 15,000 orang pada 2015 nanti berbanding jumlah yang ada sekarang iaitu seramai 8,000 orang.”

Sulaiman Md Yassin



Sulaiman menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak yatim di Dataran Canselori, UMT, semalam.

Sinar
Terengganu

Akhbar
Komuniti
Orang Terengganu